# NEWS CLIPPINGS



| | | |
|---|---|---|
| Headline | : | Deleum jangka dapat kontrak RM1 billion |
| Media | : | Utusan Malaysia / Ekonomi |
| Day/Date | : | 25 May 2012 |
| Page | : | 23 |
| Links | : | |

## Deleum jangka dapat kontrak RM1 bilion

KUALA LUMPUR 24 Mei - Deleum Bhd., penyedia produk dan perkhidmatan khusus bagi industri minyak dan gas, menjangka mendapat kontrak RM1 bilion bagi tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulan, Nan Yusri Nan Rahimy berkata, syarikat itu telah mengemukakan cadangan bidaan sejak suku tahun ketiga tahun lepas bagi ketiga-tiga segmen perniagaannya.

Syarikat itu terlibat dalam perniagaan kuasa dan jentera, perkhidmatan telaga minyak dan penyelenggaraan, pembaikan dan rombak rawat.

"Kini, kami telah mendapat kontrak bernilai RM650 juta yang akan berakhir pada 2018," katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Deleum mencatatkan keuntungan pracukai RM15.275 juta pada suku tahun pertama berakhir 31 Mac, 2012 daripada perolehan RM82.776 juta.

\- BERNAMA